

28 JAN 2003

Mahathir-Pendidikan/I

TIDAK PERLU AJAR SUBJEK LAIN DALAM B.INGGERIS, KATA DR MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 28 Jan (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata tidak perlu mengajar matapelajaran lain dalam Bahasa Inggeris selain daripada apa yang dilaksanakan sekarang untuk matapelajaran Sains dan Matematik.

"Tidak, saya rasa tidak perlu (untuk mengajar matapelajaran lain dalam Bahasa Inggeris).

"Adalah sangat penting bagi kami memelihara identiti dan bahasa kami," kata Perdana Menteri dalam satu wawancara dalam program The Asian Wall Street Journal, yang disiarkan oleh CNBC TV, malam ini.

Dr Mahathir berkata demikian semasa menjawab soalan sama ada beliau berharap Bahasa Inggeris akan digunakan untuk mengajar matapelajaran lain juga.

Mengenai penggunaan Bahasa Inggeris sebagai bahasa pengantar Sains dan Matematik, beliau berkata ia adalah kerana keadaan dan keperluan baru berikutan perubahan pesat dalam teknologi baru terutamanya teknologi maklumat (IT).

Sambil menyatakan pandangannya berhubung sistem pendidikan berasaskan Bahasa Melayu tidak berubah berikutan pengenalan semula pengajaran matapelajaran dalam Bahasa Inggeris, Dr Mahathir berkata beliau sentiasa memberitahu rakyat Malaysia supaya fasih dalam Bahasa Inggeris.

Bagaimanapun, katanya ada pihak yang membantah pelaksanaan pengajaran Sains dan Matematik dalam Bahasa Inggeris kerana mereka tidak menyedari pentingnya Bahasa Inggeris.

"Dan sekarang, sudah tentu kerana teknologi baru, terutamanya IT, adalah perlu untuk fasih berbahasa Inggeris. Jika tidak, kita tidak akan berkembang maju.

"Oleh itu, tidak ada salahnya dalam mengubah suai atau menukar dasar, satu dasar lama, berikutan keadaan baru ini," kata beliau.

Dr Mahathir menjelaskan bahawa perubahan dasar dalam sistem pendidikan dibuat selepas perbincangan diadakan dengan menteri-menteri Kabinet.

"Ini saya tidak lakukan sendirian. Ia dilaksanakan dengan kerjasama, selepas berbincang dengan rakan-rakan setugas saya dan saya tidak mahu timbulnya masalah. Jika ada yang boleh saya lakukan untuk mengatasi masalah yang timbul, saya akan lakukannya," kata beliau.

Dr Mahathir telah mengumumkan untuk bersara daripada semua jawatan parti dan kerajaan selepas mesyuarat Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) pada Oktober ini.

Beliau telah menamakan timbalannya Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi sebagai penggantinya.

Dr Mahathir telah diujani berbagai soalan termasuk mengenai persaraannya, Islam dan harapannya mengenai Sidang Kemuncak Negara-negara Berkecuali bulan depan dan persidangan OIC, dan juga perkara mengenai politik, keselamatan dan pengaruh antarabangsa.

Mengenai persaraannya, Perdana Menteri berkata beliau telah bersetuju untuk kekal dengan dua syarat bahawa dibenarkan untuk bersara selepas persidangan OIC dan diberi cuti dua bulan selepas sidang kemuncak NAM.

"Sememangnya sidang kemuncak negara-negara berkecuali dan OIC adalah dua perkara yang saya bersetuju untuk hadir kerana beberapa pemimpin luar negara mengharapakan saya bersada di sana," kata beliau.

Kepada soalan bahawa Abdullah sepatutnya diberi mandat baru untuk memegang jawatan Perdana Menteri, beliau berkata: "Satu perkara yang saya

katakan baru-baru ini ialah mereka yang telah bersama saya, sekurang-kurangnya menawarkan diri untuk meletakkan jawatan atau bersara. Mereka boleh dilantik semula oleh pemimpin baru. Adalah baik jika pemimpin baru melantik pasukannya sendiri."

Mengenai pandangan bahawa orang Asia akan kehilangan seorang pemimpin yang kuat, Dr Mahathir berkata beliau tidak anggap dirinya pemimpin kuat.

"Saya tidak lihat diri saya sebagai pemimpin kuat. Saya adalah pemimpin yang telah menunaikan tanggungjawab sebaik yang boleh," kata beliau

Dr Mahathir, yang telah menjadi perdana menteri selama 22 tahun berkata dia telah berada dalam politik terlalu lama dan sudah sampai masanya bersara.

Mengenai kejayaannya, beliau berkata: "Saya telah katakan bahawa saya puas hati dengan apa yang telah saya lakukan dan yang saya gagal ialah mengubah sikap orang saya.

Bagaimanapun beliau bangga kerana dalam beberapa perkara telah berjaya tetapi tidaklah seperti yang beliau harapkan.

Mengenai perancangannya selepas bersara, pemimpin paling lama Asia yang memegang jawatan itu berkata beliau memerlukan rehat dan merakamkan beberapa pengalamannya yang mungkin berguna kepada para penyelidik pada masa akan datang.

-- BERNAMA

HS HS ZB